






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU PERTAMA TAHUN 2026 (Q1 2026)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku pertama tahun 2026. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh penduduk dari semasa ke semasa.
2. Pada suku pertama tahun 2026, RPPI dicatat pada 99.2, menunjukkan peningkatan sebanyak 13.0% tahun ke tahun berbanding dengan suku pertama tahun 2025 dan peningkatan sebanyak 6.4% berbanding dengan suku keempat tahun 2025.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q1 2025	Dari Q4 2025
Q1 2026	99.2	13.0%	6.4%





3. Berdasarkan data pinjaman/pembiayaan yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 88 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatat pada suku pertama tahun 2026. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 31.3% berbanding dengan suku keempat tahun 2025 dan penurunan sebanyak 14.6% berbanding suku pertama 2025. Pada suku pertama tahun 2026, sebahagian besar transaksi adalah bagi pembelian rumah berasingan atau detached (59.1%), diikuti oleh rumah teres (20.5%), rumah berkembar atau semi-detached (18.2%), dan pangsapuri (2.3%). Tiada pembiayaan bagi pembelian tanah dilaporkan pada suku pertama tahun ini.
4. Harga penengah (*median*) bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian adalah BND259,000 pada suku pertama tahun 2026. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8% berbanding dengan suku keempat tahun 2025, dan peningkatan sebanyak 17.7% berbanding dengan suku pertama tahun 2025. Harga penengah adalah BND262,750 bagi pembelian rumah

berasingan, BND281,500 bagi rumah berkembar, BND225,500 bagi teres, dan BND236,450 bagi pangsapuri. Dalam pengiraan RPPI, harga penengah adalah lazim digunakan kerana ia memberikan ukuran yang lebih stabil berbanding harga purata dan tidak mudah dipengaruhi oleh harga hartanah yang luar biasa.

5. Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian terletak di Daerah Brunei dan Muara (72 hartanah), diikuti oleh Daerah Tutong (10 hartanah), dan Daerah Belait (6 hartanah) pada suku pertama tahun 2026. Lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi pada suku tahun tersebut adalah Mukim Sengkurong, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Lumapas, Mukim Liang dan Mukim Berakas B.

Jumlah Transaksi pada Q1 2026 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	72
Tutong	10
Belait	6
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q1 2026	
Sengkurong	19
Kilanas	14
Gadong	12
Lumapas	9
Liang	5
Berakas B	5

6. BDCB ingin mengingatkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai dinasihatkan agar tidak bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah memandangkan nilai hartanah kediaman persendirian adalah berbeza-beza mengikut lokasi, saiz tanah, keluasan lantai serta faktor-faktor lain yang berkaitan.
7. Untuk maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcg.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga boleh didapati melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 10 Muharram 1448H/ 26 Jun 2026M

Rujukan: BDCB/COMMS/3